

## HELAIAN PENERANGAN PRODUK

(Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan memilih 'TAKAFUL KASIH PLUS'. Pastikan anda telah membaca terma-terma dan syarat-syarat.)

**PRODUK: TAKAFUL KASIH PLUS**

**DITAJA JAMIN OLEH: TAKAFUL IKHLAS BERHAD**

**TARIKH KEMAS KINI: 31/10/2016**

### 1) Produk apakah ini?

Pelan ini diperkenalkan secara ekslusif untuk pelanggan-pelanggan Bank Pertanian Malaysia (Agro Bank) di mana ianya menyediakan perlindungan kemalangan diri yang berlaku di mana sahaja di dunia. Perlindungan ini meliputi tempoh 24 jam sehari dan 365 hari setahun.

Perlindungan Takaful ini menyediakan kemudahan perlindungan kepada Orang yang Dilindungi terhadap Kecederaan Tubuh Badan mengakibatkan kematian atau hilang keupayaan kekal. Musibah ini mestilah semata-mata disebabkan oleh Kemalangan namun bergantung kepada pengecualian yang dinyatakan secara khusus.

#### Pilihan Pelan

<b>Manfaat</b>	<b>Nusari</b>	<b>Hadwan</b>	<b>Israq</b>
Kematian Kemalangan	RM10,000	RM20,000	RM50,000
Hilang upaya kekal	RM10,000	RM20,000	RM50,000
Perbelanjaan pengkebumian	RM1000	RM2000	RM3000
Elaun Tunai Hospital (Maks.30 hari)	RM10/sehari	RM20/sehari	RM30/sehari
Rawatan Perubatan akibat Kemalangan	RM600	RM1,500	RM2,500
Sumbangan Takaful (termasuk GST)	RM 10.60	RM 21.20	RM 53.00

Nota: Perlindungan hanya berkuatkuasa di luar waktu bertugas bagi kakitangan beruniform (Polis, Tentera, Bomba dan seumpama dengannya) & Kelas 4 iaitu orang yang di gaji untuk kerja-kerja manual yang berat yang melibatkan penggunaan peralatan jentera/ mesin berat.

### 2) Apakah konsep Shariah yang digunakan?

- **Tabarru'** - bermaksud derma bagi tujuan perpaduan dan kerjasama di kalangan Peserta-peserta dan akan digunakan untuk membantu Peserta yang ditimpa musibah. Di dalam konteks Takaful IKHLAS, 'Tabarru' akan diperuntukkan ke dalam Dana Risiko.
- **Wakalah** - bermaksud agensi. Di dalam konteks ini, ia merujuk kepada kontrak di antara Syarikat dan Peserta di mana Peserta melantik Syarikat untuk menguruskan dana bagi pihak Peserta, yang membenarkan Syarikat untuk mengenakan yuran Wakalah.

**Nota:** Sila rujuk kepada Sijil kontrak Takaful untuk maklumat lanjut.

### 3) Apakah perlindungan/manfaat yang ditawarkan?

Produk ini melindungi :

- Kematian
- Hilang Keupayaan Kekal
- Perbelanjaan Pengkebumian
- Elaun Tunai Hospital
- Rawatan Perubatan akibat Kemalangan

**4) Berapakah jumlah sumbangan yang perlu dibayar?**

Jumlah Sumbangan yang anda perlu bayar akan bergantung kepada jenis pelan yang diambil seperti yang tertera dalam perkara 1.

- Plan 1 (Nusari) : RM10.60
- Plan 2 (Hadwan) : RM21.20
- Plan 3 (Israq) : RM53.00

**5) Apakah yuran dan caj yang perlu dibayar?**

Berikut adalah yuran dan bayaran yang dikenakan:

Bayaran yang perlu dijelaskan di samping jumlah Sumbangan:-

- Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) : 6% dari Sumbangan

Bayaran lain yang termasuk dalam jumlah Sumbangan

- Yuran Wakalah -
  - ✓ Komisen : sehingga 25% dari Sumbangan
  - ✓ Perbelanjaan Pengurusan : 35% dari Sumbangan

Bayaran yang perlu dijelaskan jika anda membatalkan Sijil ini :-

- Yuran Pembatalan : RM10.00

**6) Apakah terma dan syarat utama yang perlu diketahui?****Kepentingan Pendedahan**

- Anda mestilah menyatakan semua fakta penting seperti pekerjaan anda dan perihal peribadi yang boleh mempengaruhi penerimaan perlindungan, dan bilangan sijil serta jumlah Takaful kemalangan diri yang telah anda perolehi dari mana-mana pengendali Takaful / insurans; jika tidak, Sijil Takaful ini boleh dianggap tidak sah.

**Memorandum**

- Sekiranya Peserta atau Orang yang Dilindungi mempunyai lebih dari satu (1) Sijil Kemalangan Diri yang dikeluarkan oleh pihak Syarikat (sama ada berkelompok atau individu), Peserta atau Orang yang Dilindungi tidak berhak untuk menuntut manfaat tambahan memandangkan pampasan hanya dibayar untuk setiap satu (1) Kemalangan. Walau bagaimanapun, bayaran untuk manfaat kematian tidak menghalang pembayaran di bawah peruntukan Endosmen ini. Peruntukan ini adalah tertakluk kepada terma-terma, pengecualian dan syarat-syarat di dalam Sijil ini.

**Waranti Sumbangan**

- Ia adalah penting dan menjadi syarat khas Sijil Takaful ini bahawa Sumbangan yang perlu dibayar mestilah dibayar dan diterima oleh pengendali Takaful sebelum tarikh permulaan Sijil ini berkuatkuasa atau Endosmen / pembaharuan Sijil.
- Bilamana Sumbangan yang dibayar lanjutan dari waranti ini, diterima oleh wakil Syarikat yang diberi kuasa, bayaran tersebut akan dikira telah diterima oleh pihak Syarikat. Tanggungjawab bagi membuktikan Sumbangan perlu dibayar telah diterima oleh seseorang, termasuk ejen Takaful yang tidak diberi kuasa untuk menerima Sumbangan, terletak pada pengendali Takaful.
- Tertakluk kepada terma dan syarat yang terkandung di dalam Sijil ini.

**Lebihan**

- Pada setiap akhir tahun kewangan, Aktuari akan menilai kedudukan lebihan di dalam Dana Risiko, untuk memelihara kemampunan dana untuk jangka panjang. Pihak Syarikat akan mengenakan Caj Pengurusan Lebihan (SAC) sebanyak 50% daripada lebihan boleh-agih kasar dari Dana Risiko pada setiap akhir tahun kewangan. Walau bagaimanapun, Pihak Syarikat boleh, mengenakan caj SAC kurang daripada 50% daripada lebihan boleh-agih kasar mengikut budi bicara dan kesesuaian.
- Sebarang lebihan boleh-agih bersih (selepas ditolak SAC) daripada Dana Risiko akan

diperuntukkan seluruhnya (100%) kepada Peserta. Sekiranya jumlah untuk Peserta kurang daripada RM30 untuk setiap Sijil, jumlah tersebut akan terus disimpan di dalam Dana Risiko.

- Sebarang kekurangan dalam Dana Risiko akan dibiayai melalui pinjaman tanpa faedah (Qard) daripada Dana Pemegang Saham. Caj ke atas pembiayaan ini hendaklah diambil kira terlebih dahulu bila mana lebihan diperolehi pada masa hadapan.
- Jika defisit di dalam Dana Risiko berlaku akibat dari kecuaian pihak Syarikat, maka menjadi tanggungjawab pihak Syarikat untuk memastikan dana tersebut stabil melalui kaedah pindahan tanpa syarat (outright transfer) dan tidak dianggap sebagai pendahuluan melalui Qard.

#### **7) Apakah pengecualian utama yang terdapat di dalam sijil ini?**

Sijil Takaful ini tidak melindungi kematian atau hilang keupayaan kekal yang disebabkan oleh :

- peperangan, serangan, perbuatan musuh asing, permusuhan (sama ada peperangan diisyiharkan atau tidak), peperangan sivil, pemberontakan, revolusi, pemberontakan atau rampasan kuasa, mogok, rusuhan, kekecohan awam, kebangkitan tentera atau kebangkitan popular di mana Peserta secara langsung atau tidak langsung mengambil bahagian atau terlibat walau apa jua dalam aktiviti-aktiviti tersebut;
- Penglibatan di dalam aktiviti keganasan;
- gila, bunuh diri (sama ada siuman atau tidak siuman) atau apa-apa percubaan ke arah itu oleh Peserta;
- kecacatan atau kelemahan fizikal atau mental sedia wujud Peserta;
- jangkitan bakteria atau virus, apa-apa penyakit, rawatan perubatan atau pembedahan (kecuali sebagaimana yang perlu semata-mata akibat kecederaan yang dilindungi oleh Sijil ini dan dilaksanakan dalam masa yang tertera di dalam Sijil ) kepada Peserta;
- bersalin, keguguran, kehamilan atau apa-apa komplikasi yang berkaitannya kepada Peserta;
- perbuatan asakan atau serangan yang dimulakan oleh Peserta yang menyebabkan dirinya terbunuh pembunuhan atau serangan ke atas Peserta;
- sebarang perlakuan yang melanggar Undang-undang Sivil atau Shariah dan prinsip-prinsipnya oleh Peserta;
- hilang keupayaan kekal yang sedia ada atau kecederaan tubuh badan Peserta;
- penyalahgunaan bahan, alkohol dan/ atau dadah oleh Peserta;
- sebab-sebab lain yang dilarang oleh Undang-undang dan prinsip-prinsip Shariah.

**Nota:** Senarai ini bukan senarai yang lengkap. Sila rujuk Sijil kontrak Takaful untuk senarai penuh bagi pengecualian di bawah Sijil Takaful ini.

#### **8) Bolehkah saya membatalkan sijil takaful ini?**

Anda boleh membatalkan Sijil Takaful ini dengan memberi notis bertulis kepada pihak kami. Selepas pembatalan, anda layak mendapat pulangan Sumbangan untuk kadar pro rata bagi tempoh Sijil Takaful yang telah berkuatkuasa.

#### **9) Apakah yang perlu dilakukan sekiranya terdapat perubahan kepada maklumat untuk dihubungi?**

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan pihak kami tentang sebarang perubahan mengenai maklumat anda bagi memastikan semua surat-menyerat dapat disampaikan kepada anda tepat pada masanya.

#### **10) Bagaimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?**

Sekiranya anda memerlukan informasi tambahan mengenai Takaful Kemalangan Diri, sila rujuk kepada buku panduan *insuranceinfo* mengenai "Takaful Kemalangan Diri" yang boleh didapati dari semua cawangan kami atau dapatkan satu salinan daripada pengantara Takaful anda atau layari laman web [www.insuranceinfo.com.my](http://www.insuranceinfo.com.my)

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai *IKHLAS* Takaful Kasih, sila hubungi kami di:

**Takaful IKHLAS Berhad**  
Jabatan Pengurusan Pelanggan  
IKHLAS Point  
Tower 11A, Avenue 5  
Bangsar South  
No. 8 Jalan Kerinchi  
59200 Kuala Lumpur

No. Telefon: 03-2723 9999  
No. Faks: 03-2723 9998

Laman Web : [www.takaful-ikhlas.com.my](http://www.takaful-ikhlas.com.my)  
E-mail: [ikhlascare@takaful-ikhlas.com.my](mailto:ikhlascare@takaful-ikhlas.com.my)

**11) Anda juga boleh mendapat keterangan lanjut di mana mana cawangan Agrobank yang terdekat**

**NOTA PENTING:**

ANDA DINASIHATKAN UNTUK MENGAMBIL PERHATIAN SKALA MANFAAT UNTUK KEMATIAN DAN HILANG KEUPAYAAN KEKAL DALAM SIJIL TAKAFUL ANDA. ANDA MESTI MENCALONKAN PENAMA DAN PASTIKAN PENAMA ANDA TAHU TENTANG SIJIL TAKAFUL KEMALANGAN DIRI YANG ANDA TELAH SERTAI. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL TAKAFUL DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU HUBUNGI PENGENDALI TAKAFUL UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

*Informasi yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah pada 13/10/2016*